

SEREMBAN, 1 APRIL (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATKAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI SUPAYA MENGURANGKAN PEMBERIAN KAWASAN BALAK BAGI MENGATASI MASALAH KEKURANGAN BAHAN ITU PADA MASA AKAN DATANG.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI SINI BAHWA ADALAH BENAR SEKIRANYA PEMBALAKAN TIDAK DIKAWAL KEMUNGKINAN BAHAN HUTAN YANG KEDUA PENTINGNYA DIBELAKANG GETAH AKAN KEHAPISAN DALAM MASA 12 TAHUN DARI SEKARANG.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN DUA TAHUN SEKALI KESATUAN PEGAWAI-PEGAWAI HUTAN MELAYU MALAYSIA BARAT DI MAKTAB PERGURUAN RAJA MELAWAR, SIKAMAT, DEKAT SINI PETANG INI.

KATANYA, MEMANDANGKAN HUTAN ADALAH PERKARA KERAJAAN NEGERI, KERAJAAN PUSAT HANYA BOLEH MENASIHATKAN MEREKA MENGAMBIL TINDAKAN MENGURANGKAN PEMBERIAN KAWASAN BALAK.

DISAMPING ITU KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR, KERAJAAN PUSAT AKAN MEMBERI BANTUAN KEPADA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI BAGI MEMULIHKAN TANAMAN SEMULA KAWASAN HUTAN YANG TELAH DIBALAK. — BERSAMBUNG 1822/A1

MAHATHIR 2 SEREMBAN

MENGENAI KEMARAU DI KEDAH TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA SEBANYAK \$15 JUTA HINGGA \$20 JUTA TELAH DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN PUSAT BAGI MEMBANTU 240,000 KELUARGA PETANI YANG TERLIBAT DALAM KEADAAN KEMARAU YANG BERPANJANGAN SEKARANG.

DISAMPING ITU SEBANYAK \$2 JUTA TELAH DIUNTUKKAN BAGI PENUBUHAN SEBUAH BAHAGIAN KHAS DI KEMENTERIAN PERTANIAN BAGI MENGENDALIKAN HUJAN TIRUAN SETIAP TAHUN YANG BERMULA TAHUN LALU.

MENURUTNYA, SATU ROMBONGAN YANG MEWAKILI PENANAM-PENANAM PADI DARI KEDAH TELAH MENEMUI BELIAU KELMARIN BAGI MEMBINCANGKAN MASALAH KEMARAU INI.

BANTUAN YANG SESUAI SEDANG DISEDIAKAN BAGI MENGURANGKAN BEBAN YANG SEDANG DIPIKUL OLEH MANGSA-MANGSA KEMARAU ITU.

TERDAHULU DALAM UCAPAN PERASMIANNYA DATUK SERI DR. MAHATHIR BERJANJI KERAJAAN AKAN MENIMBANGKAN SEMUA TUNTUTAN DARI PARA PEKERJA DAN AKAN CUBA Mencari JALAN MENGATASINYA DENGAN MEMUASKAN HATI SETIAP PEKERJA.

KATANYA WALAUPUN KEADAAN KEWANGAN NEGARA SEKARANG ADALAH KUKUH TETAPI KERAJAAN TIDAK DAPAT MEMBELANJAKANNYA DENGAN SEWENANG-WENANGNYA SEPERTI MENUNAIKAN SEMUA TUNTUTAN DENGAN BUTA TULI TANPA MENGAJINYA DENGAN MENDALAM KERANA INI MUNGKIN MENJEJASKAN KEKUKUHAN KEWANGAN ITU. — BERSAMBUNG 1826/A1

££

B579:

MAHATHIR 3 SEREMBAN

OLEH ITU KATANYA SETIAP PEKERJA MESTILAH BERSAMA-SAMA KEPADA KERAJAAN MENJAGA KEADAAN KEWANGAN NEGARA ITU TERUS BERTAMBAH KUKUH DI MASA-MASA AKAN DATANG DENGAN BERTIMBANG RASA DALAM TUNTUTAN MEREKA.

KATANYA, SETIAP RAKYAT TERUTAMANYA PARA PEKERJA HARUS BANGGA DENGAN PENGAMALAN DEMOKRASI DI NEGARA INI YANG MEMBENARKAN RAKYATNYA MEMBUAT TUNTUTAN ATAU MENUBUHKAN SESUATU PERSATUAN DAN KESATUAN SEKERJA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERBEZAAN-PERBEZAAN PENDAPAT DI KALANGAN 12 JUTA RAKYAT DI NEGARA INI YANG TIDAK DIKUNGKONG ADALAH SIHAT YANG MENUNJUKKAN PERJALANAN DEMOKRASI YANG KUKUH YANG DIAMALKAN SEKARANG.